

Headline	Jemaah haji boleh terbang terus dari Alor Setar ke Jeddah, Madinah		
MediaTitle	Kosmo	Color	Full Color
Date	21 Aug 2013	Circulation	115,967
Section	Negara	Readership	406,000
Page No	2	ArticleSize	197 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 1,713
Journalist	N/A	PR Value	RM 5,139
Frequency	Daily		




Jemaah haji boleh terbang terus dari Alor Setar ke Jeddah, Madinah

KUALA LUMPUR – Tabung Haji buat pertama kalinya menyediakan perkhidmatan penerbangan terus jemaah haji dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Alor Setar ke Madinah bermula 9 September depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, Yang di-Pertuan Agong Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah dijangka berangkat menyempurnakan majlis pelepasan jemaah kumpulan pertama jemaah haji yang akan berlepas dari Alor Setar.

"Penerbangan dulu (dari Alor Setar) ke Kuala Lumpur, buat pertukaran penerbangan di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebelum terbang ke Jeddah atau Madinah," kata beliau kepada pemberita selepas majlis perasmian pa-



JAMIL KHIR (dua dari kiri) melihat gambar kumpulan jemaah haji Malaysia menggunakan kapal pada majlis perasmian pameran Haji dan Fotografi Al Hajj: Pengalaman Malaysia di Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur semalam.

meran Haji dan Fotografi Al Hajj: Pengalaman Malaysia sempena sambutan jubli emas Lembaga Tabung Haji di Muzium Kesenian Islam di sini semalam.

Turut hadir Pengurus Lembaga Tabung Haji, Datuk

Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ketua Pengarah Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Lembaga Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Jamil Khir berkata, sebanyak tiga penerbangan akan berlepas terus dari Alor Setar

ke Madinah pada musim haji kali ini melibatkan lebih 1,000 jemaah haji menggunakan pesawat penerbangan Malaysia (MAS) B777.

Kedah adalah negeri ketujuh yang menyediakan perkhidmatan penerbangan terus jemaah haji ke Jeddah atau Madinah selepas Terengganu, Pulau Pinang, Johor, Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur.

Kompleks yang menyediakan kemudahan hotel bertaraf empat bintang dengan kadar bayaran tiga bintang ini akan dapat menjana pendapatan untuk Tabung Haji melalui sektor pelancongan dan hospitaliti.

Pameran haji dan fotografi diadakan selama tiga bulan bermula semalam memaparkan kejayaan Tabung Haji dari segi pengalaman yang diperoleh sepanjang 50 tahun penubuhannya.